

Empangan Naok dijangka mampu atasi masalah air

» Cadangan pembinaan di Paya Serdang babit kos RM650 juta

Laporan Adha Ghazali dan Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my


Alor Setar

Kerajaan negeri yakin cadangan pembinaan Empangan Naok di selatan Kedah mampu mengatasi krisis bekalan air yang dijangka kritikal menjelang tahun 2025.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah, berkata empangan itu dicadangkan dibina di Paya Serdang yang meliputi kawasan Pendang dan Sik, dengan jangkaan kos mencecah RM650 juta.

Katanya, empangan baharu itu menjadi keperluan berikutan faktor pertumbuhan rakyat, peningkatan jumlah taman dan perumahan serta sektor pelancongan di Langkawi yang semakin meningkat dan keperluan domestik.

“Kalau boleh, kita mahu Empangan Naok dibina segera se-



Ahmad Bashah pada sidang media selepas Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga DUN Kedah di Wisma Darul Aman, semalam.

[FOTO BERNAMA]

bab keperluan semakin mendesak. Buat masa ini, projek itu masih pada peringkat cadangan dan pertimbangan kerajaan Persekutuan. Kita harap ia dapat direalisasikan.

Tampung keperluan

“Empangan ini akan menampung kepada kawasan selatan Kedah terlebih dahulu, namun dengan kapasiti yang dimiliki sebagai takungan bersaiz besar, ia mungkin dapat menampung keperluan kawasan lain terutama Pendang dan Sik,” katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Beliau berkata demikian me-

ngulas usul tergepang mengenai krisis bekalan air yang dibangkitkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Alor Mengkudu, Ahmad Yahaya, pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah, semalam.

Ahmad Bashah berkata kerajaan negeri mengambil kira pelbagai langkah serta cadangan untuk memastikan Kedah tidak berdepan krisis air, sama ada membabitkan jangka pendek atau panjang.

“Selain empangan Naok, kita juga mencadangkan pembangunan projek ‘Jeniang Transfer’ membabitkan pembinaan terusan sepanjang 23 kilome-

ter yang akan berperanan sebagai terusan pemindah bagi Empangan Beris,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga negeri, Datuk Badrul Hisham Hashim, ketika menggulung usul sama, berkata sebanyak 33,158 daripada 562,196 akaun pengguna di Kedah berdepan masalah gangguan bekalan air.

“Sebanyak 35 Loji Rawatan Air (LRA) di seluruh negeri beroperasi 100 peratus, kecuali tiga iaitu Merbok, Tupah dan Gurun yang mendapat bekalan air mentah dari Gunung Jerai.

“Bagaimanapun, pemantauan mendapati beberapa muka sauk mengalami penurunan kritikal seperti Sungai Teluk Bujur di Pulau Tuba, selain LRA Merbok di Gunung Jerai dan LRA Sungai Limau di Sungai Ketil,” katanya.

Dari segi takungan empangan, beliau berkata, dua daripada lima empangan iaitu Muda dan Beris berada pada tahap di bawah separuh penuh, masing-masing 36.04 peratus dan 31.69 peratus.

“Sejumlah 60 lori tangki digunakan bagi mengagihkan bekalan air ke kawasan terjejas bukan saja pengguna domestik, tetapi juga masjid, surau dan berkeperluan khas seperti kenduri,” katanya.